

Boon Siew Honda Tingkatkan Gaya dengan Honda Vario 150



- *Honda Vario 150 menggabungkan aspek tunggangan yang berkuasa serta prestasi terbaik, bersesuaian dengan ciri-cirinya yang sporty, bernilai untuk wang dan berprestasi tinggi.*
- *Ciri seperti Sistem Kunci Pintar Honda turut hadir pada Vario 150*
- *Dikuasakan oleh enjin 150cc dengan teknologi Enhanced Smart Power (eSP) dan dilengkapi Sistem Combi Brek, Vario 150 menawarkan prestasi, penjimatan dan ciri-ciri keselamatan yang lebih baik*

Petaling Jaya, 29 Ogos 2018 – Perhatian para penunggang motosikal di Malaysia sekali lagi akan ditawan melalui pelancaran Model Transmisi Automatik terbaharu (AT) oleh Boon Siew

Press Information

Honda - Honda Vario 150. Menggabungkan aspek reka bentuk sporty, prestasi mengagumkan dan pelbagai ciri terbaik yang bernilai untuk wang, Vario 150 baharu merupakan satu pilihan ideal buat penunggang yang mahukan satu pakej lengkap pada sebuah model AT.

Selari dengan komitmennya untuk memberi lebih kegembiraan kepada pelanggan, Boon Siew Honda sentiasa **berusaha kuat** demi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan serta menambah mutu produk yang baharu. Jenama ini dilihat terus menambah baik tawaran produk mereka bagi memenuhi jangkauan pasaran.

Berdasarkan pemerhatian dan pemahaman mendalam terhadap pasaran tempatan, Boon Siew Honda sedar bahawa populariti model AT kian meningkat, terutama dalam kalangan penunggang muda yang mahukan kepuasan serta pelbagai ciri berkuasa dan spesifikasi, tetapi pada harga mampu milik. Melalui pemerhatian ini, Boon Siew Honda tahu tentang potensi besar dalam segmen AT. Justeru, **syarikat ini** mengambil keputusan untuk menawarkan lebih banyak pilihan kepada semua penunggang dengan memperkenalkan Vario 150.

Ciri keselamatan moden pada model AT ini dapat memberikan kepuasan maksimum kepada penunggang, manakala transmisi automatik membuatnya mudah untuk dikendalikan. Selain daripada aspek keselamatan dan tunggangan mudah, minat terhadap motosikal cc besar dilihat semakin meningkat dalam kalangan penunggang di Malaysia.

Vario 150 dikuasakan oleh enjin silinder tunggal empat lejang dengan sistem penyejukan cecair bersesaran 150cc yang mampu menjana kuasa mencecah 13.1PS pada 8,500rpm dan tork 13.4Nm pada 5,000 rpm. Enjin 150cc itu dilengkapi teknologi eSP dan Sistem Henti Melahu (*Idling Stop System* atau ISS) terkini untuk menawarkan prestasi tunggangan dan penjimatan bahan api yang luar biasa. Penunggang akan dapat menikmati prestasi dinamik model AT baharu ini yang pasti menjanjikan pengalaman tunggangan ke tahap yang baharu.

Model transmisi automatik Honda yang menarik ini menawarkan pelbagai ciri dengan nilai tambah seperti Lampu Utama Berkembar dan Lampu Belakang LED, Panel Meter LCD Digital, Sistem Kunci Pintar Honda, Peredam Sporty dengan Hujung Aluminium, Rim Sporty bersaiz 14

Press Information

inci dengan Cakera Brek Beralun, Ruang Penyimpanan Barang di bawah tempat duduk berkapasiti 18 liter dan juga disertakan dua poket rak penyimpanan dalaman.

Aspek keselamatan turut diberi perhatian lebih dalam perekaan Vario 150. Model baharu ini dilengkapi Sistem Combi Brek yang membantu mengimbangi sistem brek pada roda hadapan dan belakang demi memberikan cengkaman brek yang lebih baik mencapai standard yang optimum.

Boon Siew Honda mensasarkan untuk menjual 1,000 unit vario 150 sebulan. Mereka yakin standard segmen model AT akan lebih tinggi melalui pelancaran model baharu ini.

Dijangka menjadi pencetus trend dalam segmen skuter, Vario 150 didatangkan dalam empat pilihan warna iaitu Hitam Mutiara (Pearl Magellanic Black), Biru Mutiara (Pearl Nightfall Blue), Perak metalik (Force Silver Metallic) dan Edisi Repsol.

Vario 150 boleh didapati di semua pengedar sah Boon Siew Honda mulai esok. Model ini hadir bersama jaminan kilang selama dua tahun atau perbatuan sejauh 20,000km (mana-mana tiba dahulu).

Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan, satu siri eksklusif dan unik model Vario akan dilukis bendera Malaysia dan 13 negeri yang ada dengan menggunakan teknik *airbrushed*. Model ini akan ditunggang menjelajahi seluruh semenanjung Malaysia sebagai tanda semangat patriotik terhadap Malaysia.

Maklumat lanjut, sila layari laman web www.boonsiewhonda.com.my atau hubungi nombor tol percuma Boon Siew Honda di talian 1800-88-3993 (Isnin hingga Jumaat, 9 pagi – 5 petang, kecuali cuti umum).

Mengenai Boon Siew Honda Sdn. Bhd.

Boon Siew Honda Sdn. Bhd., anak syarikat Honda Motor Co., Ltd adalah usaha sama di antara Honda Motor Co., Ltd. dan Oriental Holdings Bhd. Ia mula beroperasi pada bulan September 2008 dengan dua matlamat utama: Untuk menyatukan pengeluaran motosikal dan jualan di Malaysia dan untuk mencapai kecekapan perkhidmatan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi. Sebelum kemunculan syarikat baru ini, Boon Siew Sdn. Bhd. menjalankan usaha pembuatan dan perniagaan borong produk motosikal Honda di Malaysia. Walaupun menyimpan keinginan untuk berkerjasama dengan syarikat-syarikat Honda lain di seluruh dunia, Boon Siew Honda Sdn. Bhd. akan mengukuhkan daya saing dan berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang melebihi jangkauan pelanggan.

Untuk Pertanyaan Media:

Jireh Consult

Verman Ho

017-9087820

smho@jirehconsult.com

Boon Siew Honda

Zharif Zaini

012-4990162

mohammad_zharif@bswhonda.com.my